

ZIHAR TANPA DIDENGARI ISTERI

SOALAN:

Assalamualaikum Ustaz, maaf mengganggu. Saya ada persoalan, adakah jatuh zihar sekiranya suami tanpa sengaja menyamakan privasi isteri dengan ibunya (ibu suami). Namun si isteri tidak mendengar atau tidak perasan akan lafaz suami tersebut kerana suamiterlepas cakap dalam keadaan suara perlahan. Suami lafaz menggunakan lafaz yang jelas (ṣarīḥ), namun sangat perlahan sehingga tidak didengari oleh isteri.

Suami tiada niat untuk menziharkan isterinya.

Mohon penjelasan ustaz. Terima kasih.

JAWAPAN:

Walaikumusalam tuan, Alhamdulillah segala puji bagi Allah S.W.T dan selawat dan salam kepada junjungan bear kepada Nabi Muhammad S.A.W.

Zihar ditakrifkan menyamakan isteri yang belum bercerai secara bain dengan seorang Wanita yang tidak boleh dikahwini (***Mughni Muhtaj jilid 3***)

Zihar hukumnya haram berdasarkan dalil dari ayat Al Quran ,firman Allah S.W.T:

﴿وَالَّذِينَ يُظَاهِرُونَ مِنْ نِسَائِهِمْ ثُمَّ يَعُودُونَ لِمَا قَالُوا فَتَحْرِيرُ رَقَبَةٍ مِنْ قَبْلِ أَنْ يَتَمَاسَّ ذَلِكُمْ
تُوعَظُونَ بِهِ ۚ وَاللَّهُ بِمَا تَعْمَلُونَ خَبِيرٌ﴾

”Dan mereka yang menziharkan isteri-isteri mereka dari kalangan kamu bahawanya mereka itu (para isteri) diserupakan sebagai ibu-ibu mereka (dari sudut keharaman). Sesungguhnya ibu-ibu mereka itu tidaklah melainkan yang mengandungkan mereka. Sesungguhnya mereka mengatakan sesuatu yang mungkar dan juga dusta. Sesungguhnya Allah itu Maha Pemaaf lagi Maha Pengampun”.

(**Surah al-Mujaadilah :2**)

Ayat ini jelas menyatakan bahawa pengharaman zihar terhadap isteri dengan menyamakan bahagian tubuh isteri dengan *mahram muabbad* (selamanya).

Apabila seorang suami telah melafazkan lafaz zihar secara sorih (jelas) terhadap isterinya, maka jatuh hukum zihar keatasnya walaupun tidak didengari oleh isteri dan si suami tiada niat kerana lafaz yang sorih (jelas) tidak memerlukan niat . Menurut kitab *Mausu'ah Qawaid Fiqhiyyah* ,

المصْرَحَات من الألفاظ تحمل على ظواهرها ولا تعتبر نية اللفظ في صرف اللفظ إلى غير ظاهره

Terjemahan: Lafaz-lafaz yang jelas (ṣarīḥ) diambil berdasarkan zahir lafaznya, dan tidak diambil kira niat orang yang melafazkannya untuk menukarkan makna itu kepada selain makna zahir.

Kesimpulanya,

Telah jatuh hukum zihar keatas si suami kerana lafaznya yang sorih (jelas) yang menyamakan si isteri dengan ibu si suami maka si suami diharamkan bersama isteri sehingga selesai kaffarah keatasnya iaitu memerdekakan seorang hamba jika tidak mampu, berpuasa 2 bulan berturut-turut jika tidak mampu ,hendaklah memberi makan kepada 60 orang miskin.